

07 MAY 1996

HOSPITAL KERAJAAN DI BANDAR-BANDAR UTAMA AKAN DIPERBADANKAN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan memperbadankan hospital-hospitalnya yang terletak di bandar-bandar utama bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan untuk mengekalkan tenaga kerja berkelayakan dan berpengalaman.

"Adalah munasabah kita membuka hospital-hospital besar yang terletak di bandar-bandar utama dan bandar-bandar," Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng memberitahu Bernama di sini.

Beliau, bagaimanapun berkata, satu kajian sedang dijalankan oleh sebuah firma perunding tempatan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), apabila ditanya bila pemerbadanan itu akan dilaksanakan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), sektor kesihatan telah diberikan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion untuk mengembangkan kemudahan-kemudahannya dan mempertingkatkan kecekapan di dalam pemberian rawatan perubatan dan kesihatan.

Sungguhpun demikian, kos perubatan yang kian meningkat di samping kesukaran yang dihadapi oleh hospital-hospital kerajaan untuk mengekalkan kakitangan, sama ada doktor atau jururawat memandangkan hospital-hospital swasta membayar gaji yang lebih, tidak memberi banyak pilihan kepada kerajaan kecuali memperbadankannya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus meluaskan dan mempertingkatkan program-program dan perkhidmatan kesihatan bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati mutu kehidupan yang lebih baik.

"Kerajaan bercadang menswastakan banyak kemudahan kesihatan, termasuk hospital dan unit-unit pakar," tambah Perdana Menteri.

Sementara itu, seorang pegawai EPU berkata pemerbadanan hospital-hospital kerajaan boleh dijalankan di dalam dua tahun akan datang.

"Ia akan membabitkan hospital-hospital besar di bandar-bandar utama seperti di Pulau Pinang dan Johor Baharu, dan pengurusan hospital-hospital akan serupa dengan Institut Jantung Negara (IJN)," katanya.

Pegawai itu berkata sementara pengurusan hospital-hospital adalah oleh sektor swasta, kerajaan akan terus memiliki hospital-hospital itu. --

BERNAMA

JSM OS SIA